



DI SEBALIK TABIR: Antara jawatankuasa pengelola yang terlibat dalam penganjuran SCeW 3.0.

SCeW 3.0 UPMKB tarik penyertaan pelajar antarabangsa

Sumbangan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu

DALAM era globalisasi masa kini, wang merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan setiap individu.


Memang benar wang bukan segalanya dalam hidup namun tidak melampau jika dikatakan seluruh manusia di dunia ini memerlukan wang untuk hidup.

Untuk itu, adalah penting bagi setiap individu mengurus kewangan masing-masing dengan baik.

Sudah banyak kajian dilakukan oleh beberapa pihak dan rata-ratanya menunjukkan masih ramai rakyat Malaysia kurang arif dalam pengurusan kewangan malah golongan yang masih muda juga banyak yang bankrap.

Melihat kepada senario ini, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah merangka satu program yang dinamakan sebagai Program Pengukuhan Kewangan.

Ia dianjurkan dengan kerjasama universiti terpilih dan bagi memastikan program ini memberi manfaat kepada mahasiswa di seluruh negara, program ini telah dibahagikan kepada empat zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon



FAZLI

Borneo.

SCeW 3.0 di Zon Borneo (Sabah, Sarawak dan Labuan) pada kali ini telah dianjurkan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB).

Penganjurannya dilaksanakan sedikit berbeza berbanding SCeW 2.0 sebelum ini.

"Kita amat bertuah kerana telah dipilih sebagai penganjur SCeW 3.0 di Zon Borneo buat kali yang kedua ini.

"Kalau sebelum ini, tahun 2018 kita laksanakan program secara bersemuka namun pada kali ini kita menggunakan platform secara dalam talian melalui aplikasi Webex

dan Live Facebook bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," jelas Profesor Madya Dr Shahrul Razid Sarbini, Pengarah Kampus (UPMKB) semasa merasmikan program tersebut.


"Antara objektif utama penganjuran SCeW 3.0 ini adalah untuk memantapkan pengetahuan mahasiswa dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan kredit, aktiviti pembiayaan dan sebagainya.

"Selain itu, program ini juga turut menyediakan platform bagi mahasiswa berinteraksi dengan pakar "pakar kewangan agar aspek pengurusan kewangan berhemat

dapat dijadikan budaya hidup melalui sesi perkongsian dan ceramah," tambahnya.

Program yang telah dilaksanakan pada 21 November 2020 yang lalu berjaya menarik minat hampir 800 peserta bukan sahaja dari Zon Borneo malah turut menarik minat pelajar dari Semenanjung dan luar negara merangkumi pelajar antarabangsa (20 orang), Semenanjung Malaysia (124 orang), Sarawak (465 orang), Sabah dan Labuan (175 orang).

Sebanyak tiga slot telah dilaksanakan dalam program kali ini dan telah disampaikan oleh penceramah hebat dan pakar dalam bidang masing-masing iaitu 'Slot 1: Control Your Money or It Will Control You' yang disampaikan



SHAHRUL



SURAYA



PROGRAM SISWA CELIK WANG (SCeW) 3.0

21 November 2020 (Sabtu) | 8.30 pagi – 1.00 petang

<https://upm.webex.com/upm/j.php?MTID=m2b187c82a27e051aee31895682105195>
 Meeting number (JAKSA) : 158 430 9092
 Meeting password : KEWANGAN20

YBhg. Prof. Madya Dr. Suraya Hanim Mokhtar
Dean
School of Business and Social Sciences
Al-Bukhary International University

YBhg. Prof. Dr. Muhammad Fadzil Bahar
Timbalan Dekan (Penganjur) Sarawak dan Jenggan Industri (Mentorship),
Fakulti Undang-Undang,
Universiti Putra Malaysia

YBrs. Puan Noor Aziera Ezurien A. Aziz
Ditubuh Kanak Pendidikan Perancangan
Agensi Kaunseling dan Perancangan Kredit (AKPK)
Kuala Lumpur

YBhg. Prof. Dr. Muhammad
Kuliah Khas
Universiti Kuala Lumpur
Maju Pendidikan Pekerja UPM

Anggaran Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu Sarawak (UPMBS)

PERTANYAAN • INOVASI • KEHIDUPAN

www.upm.edu.my

NORMA BAHARU: Tangkap layar program Siswa Celik Wang (SCeW 3.0).

95,105 KES KEBANGKRAPAN DARI 2014-2018

PERKARA	PERSEN
Pinjaman Peribadi	27.76%
Sewa Beli Kenderaan	24.73%
Kad Kredit	9.91%
Pinjaman Perumahan	14.09%

5 NEGERI TERTINGGI KES KEBANGKRAPAN

SELANGOR : 24,648
JOHOR : 13,346
KUALA LUMPUR : 11,774
PULAU PINANG : 6,832
PERAK : 5,809

Prof Madya Dr Suraya Hanim Mokhtar dari School of Business and Social Sciences AlBukhary International

University. 'Slot 2: Mahasiswa BMW Bijak Mengurus Wang' disampaikan Prof Dr Mohammad

Fazli Sabri dari Fakulti Ekologi Manusia UPM dan 'Slot 3: Menggapai Pelangi' disampaikan Noor Aziera Ezurien Abdul Aziz dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Kuala Lumpur.

Penganjuran program ini dilihat mampu mencapai objektif penganjurannya, sekali gus memberi impak positif kepada mahasiswa. Program seumpama ini wajar dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan rakyat Malaysia bijak dalam menguruskan kewangan.

ISU TERKINI

- Beras 993,000 peruntukan PTPPs tidak pernah lagi digunakan dalam...
- Kad Kredit Bank Negara Malaysia merupakan segmen peruntukan PTPPs teratas manakala bank peruntukan PTPPs, tetapi pada masa sama, membuat meringkas pengeluaran program-program pinjaman...
- Kajian AKPK menunjukkan jumlah aliran kredit kredit perumahan adalah bertumbuh dengan kadar penerangan kewangan (12.8% @ 31 Jan 2018)
- Kajian Indeks of Finance Research 2019 Underwriting dan Y
 - 1. 20% mengesyorkan pengalihan kewangan ke sektor lain
 - 2. 23% tidak berminat dan tidak menggunakan kewangan lain
 - 3. 20% menggunakan pinjaman peribadi
 - 4. 47% menggunakan kad kredit untuk pembelian rumah di bandar raya
 - 5. 70% pengagun kad kredit membuat balik jumlah minima
 - 6. 60% tidak membuat hutang/awal sedia maklum

NOOR AZIERA